

**Kursus keterampilan  
mantapkan siswazah UPM**

**P**ENUBUHAN Pusat Kokurikulum, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 9 Ogos 2006 bertujuan melahirkan siswazah berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk tertus maju melalui pembelajaran berterusan.

Selain itu, penubuhan Pusat Kokurikulum itu juga adalah sebagai pengiktirafan kepada kegiatan kokurikulum di UPM.

Ia juga untuk mengambil langkah proaktif bagi memantapkan kemahiran insaniah (KI) pelajar melalui aktiviti kokurikulum seperti yang disasarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu:

- Kemahiran komunikasi
- Pemikiran kritis
- Kemahiran kerja berpasukan
- Pembelajaran sepanjang hayat
- Kemahiran keusahawanan
- Etika dan nilai profesional
- Kemahiran kepimpinan

Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Dr. Mohd. Shatar Shabran berkata, kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa merupakan elemen yang diberikan perhatian yang serius oleh KPT dan pihak majikan.

Katanya, berdasarkan senario semasa, antara punca utama kegagalan siswazah mendapatkan pekerjaan adalah kerana ketidakmampuan mereka

berkomunikasi dengan baik

terutamanya dalam bahasa Inggeris.

"Menyahut saranan KPT dan juga cabaran bakal majikan, Pusat Kokurikulum UPM mengambil inisiatif menawarkan dua kursus bersiri yang berkaitan dengan kemahiran

komunikasi dan penulisan profesional kepada pelajar UPM terutamanya kepada pelajar yang berada di semester akhir," katanya kepada *Mega*, baru-baru ini.

Kedua-dua kursus ini amat penting kepada setiap mahasiswa terutamanya bakal siswazah untuk mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadikan diri

mereka lebih berdaya saing sama ada di peringkat nasional atau global.

Satu kursus bersiri yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum UPM untuk membantu pelajar agar memiliki daya saing yang tinggi dan berketerampilan

ialah Kursus Keterampilan Graduan

atau *Finishing School*.

Menurut Mohd. Shatar, kursus

*Finishing School* ini diilhamkan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr.

Azali Mohamed.

Lanjutan daripada cadangan tersebut, Pusat Kokurikulum dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, fakulti dan kolej telah



**GRADUAN UPM kini turut dilengkapi ilmu keterampilan agar mudah menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran.**

merangka kursus ini.

Katanya, kursus ini memberi penekanan kepada dua aspek utama iaitu kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan Penulisan Profesional.

"Lima unit telah disediakan di dalam Modul *Finishing School* UPM bagi mencapai tujuan tersebut. Modul *Finishing School* ini memerlukan 14 jam pengendalian dan ia dikendalikan sepenuhnya di dalam bahasa Inggeris oleh fasilitator terlatih," katanya.

Kursus *Finishing School* UPM mula ditawarkan kepada semua pelajar semester akhir UPM mulai sesi 2007/2008.

Seramai 4,154 atau 68.4 peratus pelajar semester akhir mengikuti kursus tersebut dengan jayanya. Seramai 116 fasilitator terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kursus ini pada sesi tersebut.

Keyakinan dan kepercayaan pelajar terhadap keberkesanannya kursus *Finishing School* UPM ini telah meningkat pada sesi yang seterusnya. Ini terbukti melalui peratus penyertaan pelajar semester akhir yang mengikuti kursus *Finishing School-2* meningkat kepada 78 peratus.

Penerimaan yang menggalakkan ini memberi suntikan motivasi kepada Pusat Kokurikulum untuk terus komited terhadap pelaksanaan kursus *Finishing School* di masa hadapan.

Pada masa ini, Pusat Kokurikulum

UPM sedang melaksanakan Kursus *Finishing School-3*. Seramai 4,395 pelajar semester akhir layak untuk menyertai Kursus *Finishing School-3* ini yang bermula pada 23 Februari 2008 dan dijangka tamat pada 30 Mac 2008.

Dijangkakan seramai 141 fasilitator akan terlibat dalam pelaksanaan *Finishing School-3* ini.

Walaupun menjadi universiti pertama menganjurkan kursus *Finishing School*, Pusat Kokurikulum UPM mampu melakar kejayaan dan kecemerlangan dalam pelaksanaan kursus ini.

Kejayaan dan kecemerlangan yang diraih Pusat Kokurikulum UPM menjadikan ia sebagai fokus kepada pelaksanaan kursus *Finishing School* kepada beberapa buah institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Walaupun kejayaan Pusat Kokurikulum UPM menawarkan kursus ini mendapat pengiktirafan daripada beberapa IPTA di negara ini, usaha penambahbaikan akan terus dilakukan dari semasa ke semasa.

Penanda aras kursus *Finishing School* perlu ditingkatkan dari masa ke semasa untuk

menjamin kualiti dan mutu kursus sentiasa berada di tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Untuk menjamin kualiti *Finishing School* UPM, beberapa siri bengkel kejurulatihan (TOT) untuk fasilitator dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, penilaian berterusan terhadap pelaksanaan kursus *Finishing School* dibuat oleh kedua-dua pihak sama ada pelajar ataupun fasilitator yang terlibat.

Di samping itu, kata Mohd. Shatar, Pusat Kokurikulum UPM juga merancang mengadakan lawatan dalam dan luar negara ke institusi yang melaksanakan kursus *Finishing School* terbaik pada masa hadapan.

"Melalui kursus *Finishing School* ini, pelajar akan didedahkan dengan beberapa kemahiran utama yang mampu meningkatkan keyakinan diri dan daya saing mereka di persada nasional ataupun antarabangsa," jelas beliau.

Semoga usaha sebegini mampu melonjakkan kualiti *Finishing School* UPM ke tahap yang membanggakan seterusnya mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing seperti mana hasrat kerajaan dan negara.

**DR. MOHD.  
SHATAR SHABRAN**

